

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Klt.32 (38)
Tarikh : 13 Ogos 2014

**Ketua Pengarang
Malaysia Nanban**

Tuan,

MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR MALAYSIA NANBAN BERTAJUK "KAD PENGENALAN BIRU SELEPAS MENINGGAL DUNIA" BERTARIKH 8 OGOS 2014, JUMAAT – M.S: 16

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dikemukakan oleh Encik Gnanapregasam A/L Marian berkenaan masih tidak mendapat kad pengenalan.

3. Untuk makluman, penganugerahan status kewarganegaraan hanya akan diberikan kepada mereka yang layak dan memenuhi syarat yang ditetapkan seperti mempunyai pengetahuan asas Bahasa Melayu dan berkelakuan baik iaitu tidak terlibat dengan sebarang aktiviti yang menyalahi atau melanggar undang – undang. Ingin dijelaskan bahawa memenuhi syarat untuk memohon hanyalah bagi melayakan pemohon untuk mengemukakan permohonan dan bukanlah bermakna permohonan tersebut diluluskan.

4. Walaubagaimanapun sekiranya Encik Gnanapregasam A/L Marian masih berminat untuk memohon kewarganegaraan Malaysia, bolehlah berbuat demikian dengan mengemukakan semula permohonan di mana – mana pejabat JPN yang berdekatan dengan tempat tinggal beliau.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah.

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:
1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)